

43 pelajar USIM ditauliah Inspektor Kehormat Suksis

SEREMBAN 2 Sept. - Seramai 43 orang pelatih Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ditauliahkan sebagai Inspektor Kehormat Suksis (KS) dalam Majlis Perbarisan Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Kor Suksis Ke-10 baru-baru ini.

Majlis yang diadakan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor, yang disertai seramai 1,026 mahasiswa dari 20 buah institusi pengajian tinggi awam IPTA seluruh negara turut menyaksikan tiga orang pelajar USIM turut menerima penghargaan utama.

Mereka adalah Nurul Syazana Mohd. Nor, 22, dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat untuk merangkul Anugerah Pelatih Terbaik Keseluruhan; Ahmad Deedat Abdullah Habib, 22, dari Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan terpilih sebagai Pegawai Terbaik Latihan Luar

Sementara seorang lagi pelajar dari Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Nur Faizah Abdul

Rahman, 22, pula dipilih sebagai penerima Pelatih Terbaik Latihan Akademik.

Upacara tamat tauliah ini telah disempurnakan oleh Ketua Polis Selangor, Datuk Abdul Samah Mat yang mewakili Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumnyanya, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah berkata, kejayaan mereka merangkul anugerah itu memperlihatkan USIM komited dalam melahirkan modal insan berkualiti dalam pelbagai bidang

"Para pelajar ini telah mengikuti latihan selama enam semester pengajian di USIM dan merupakan kumpulan keenam yang dilahirkan sejak Kor Suksis ini mula ditubuhkan pada 2006.

"Bagi kami di sini pujian kepada pelajar atas komitmen dan disiplin yang tinggi ditunjukkan semasa menjadi pelatih," katanya yang juga Komandan Kor Suksis USIM.



SEBAHAGIAN daripada anggota Suksis USIM bersama Dr. Mohamed Asin Dollah (belakang, empat dari kanan) selepas Majlis Perbarisan Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Kor Suksis Ke-10 di UITM Shah Alam, baru-baru ini.